

Elphil Energy Sdn. Bhd.

Lot 6298,
Jalan Taiping,
34200 Parit Buntar,
Perak, Darul Ridzuan.
(u.p.: Mr Yong Jing Ting)

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : CADANGAN LADANG SOLAR BERKAPASITI 23.68 MWAC DI BAWAH CADANGAN PROGRAM KUASA HIJAU KORPORAT (CGPP) SELUAS 90.106 EKAR DI ATAS LOT 18736 DAN SEBAHAGIAN LOT 18737 MUKIM SUNGAI SIPUT, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN. UNTUK TETUAN ELPHIL ENERGY SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit meletak bahan binaan sebanyak (12.00 meter persegi X RM 3 bulan X RM 18.00 = RM 648.00 dan wang proses bagi Horizontal Direct Drilling (HDD) (RM 100.00 X 10 (pit) = RM 1,000.00) kepada MPKK di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan wang ini tidak akan dikembalikan.
ii.	Pihak tuan perlu mengalihkan segala bahan binaan milik TNB dan menanggung segala kos pengalihan tersebut jika pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan yang melibatkan binaan milik tuan kelak.
iii.	Pihak tuan hendaklah menurap kembali jalan sediaada mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam tempoh 2 minggu dan menanggung segala kos tersebut sekiranya terdapat kerja-kerja pemotongan jalan sediaada. (Pihak kontraktor tuan menghantar kaedah perlaksanaan di tapak 'Method of Works' kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebelum kerja dilaksanakan) (sekiranya terlibat).
iv.	Kawasan hendaklah sentiasa bersih dan tiada sisa bahan binaan yang masuk ke dalam longkang bersebelahan sepanjang kerja-kerja binaan dijalankan. Sisa binaan hendaklah diletakkan di dalam bekas yang sesuai dan dipindahkan ke tempat pembuangan yang dibenarkan.
v.	Menyediakan papan tanda keselamatan yang mencukupi semasa kerja-kerja sedang dijalankan dan kerja-kerja yang ditinggalkan pada waktu malam. Sekiranya berlaku sebarang kemalangan sepanjang tempoh pembinaan pihak MPKK tidak akan bertanggungjawab di atas kejadian tersebut.

Ruj. Kami : KUDR/UNK/A/11/25/0881 (32)
Tarikh : 18 Jun 2026

PROJEK / KERJA : CADANGAN LADANG SOLAR BERKAPASITI 23.68 MWAC DI BAWAH CADANGAN PROGRAM KUASA HIJAU KORPORAT (CGPP) SELUAS 90.106 EKAR DI ATAS LOT 18736 DAN SEBAHAGIAN LOT 18737 MUKIM SUNGAI SIPUT, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN. UNTUK TETUAN ELPHIL ENERGY SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

vi.	Membaiki harta awam seperti pokok-pokok, siarkaki dan lain-lain yang menjadi milik MPKK yang terlibat dengan projek tuan serta menyelesaikan segala tuntutan berkaitan.
vii.	Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berhak menuntut ganti rugi sekiranya terdapat apa-apa keperluan dan kesan daripada projek yang dilaksanakan di atas.

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "Contractor's All Risk" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi cg (insured), Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Mimi Amylyn Sofea Binti Muhd Sakri** di talian **011-33745547** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih .

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Kanan Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OSA/16062026/Wan/Mimi

Ruj. Kami : KUDR/UNK/A/11/25/0881 (32)
Tarikh : 18 Jun 2026

PROJEK / KERJA : CADANGAN LADANG SOLAR BERKAPASITI 23.68 MWAC DI BAWAH CADANGAN PROGRAM KUASA HIJAU KORPORAT (CGPP) SELUAS 90.106 EKAR DI ATAS LOT 18736 DAN SEBAHAGIAN LOT 18737 MUKIM SUNGAI SIPUT, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN. UNTUK TETUAN ELPHIL ENERGY SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

salinan kepada:

1. **Yang Dipertua,**
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar,
Wisma MPKK,
Jalan Sultan Nazrin Shah,
33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Bahagian Kejuruteraan)
2. **ERS Energy Sdn. Bhd.**
Level 8, Tower 2, Faber Tower,
Jalan Desa Bahagia, Taman Desa,
58100 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan, Malaysia.
(u.p.: Mr Phon Mun Haeng)